

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 12 RABU 25 MACH, 1970

رابو 17 محرم 1390 PERCHUMA



Pg. Dato Paduka Momin

Kekurangan doktor ? Berita B.H. di-nafi

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. I. G. Singh telah menafikan berita Bintang Harian pada 18 Mach bahawa lima orang doktor telah berhenti bekerja dengan kerajaan dalam masa empat bulan yang lalu.

Dr. Singh dalam satu kenyataan juga menafikan bahawa jabatan-nya telah mengambil bekerja sa-orang mahasiswa perubatan yang belum berijazah, sa-chara sa-bulan ka-sebulan.

Kenyataan itu berkata, hanya sa-orang specialist sahaja mungkin akan berhenti dan ini kerana beliau membuat tuntutan yang tidak selaras dengan dasar kerajaan.

Kenyataan itu berkata, bilangan doktor2 di-jabatan itu telah bertambah baru2 ini dengan pengambilan sa-orang doktor dari United Kingdom dan sa-orang pakar pembedah dari Ceylon di-jangka akan tiba di-Brunei dalam bulan depan.

Kenyataan itu berkata, Jabatan Kesihatan telah sa-kehilangan sa-orang pegawai perubatan kesihatan tetapi ia-nya maseh lagi mempunyai dua orang pegawai perubatan kesihatan, bukan-nya sa-orang sa-bagaimana yang di-beritakan oleh Bintang Harian.

Sa-orang doktor lagi yang dikatakan oleh Bintang Harian telah berhenti sa-benar-nya telah menanda tangani kontrak-nya yang kedua dan sekarang sedang berchuti selama enam bulan.

PG. DATO PADUKA MOMIN DI-LANTEK SA-BAGAI S. U. K BARU

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melantek Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail menjadi Setia Usaha Kerajaan Brunei yang baru.

Pengiran Dato Paduka Momin mula berkhidmat sa-bagai kerani dalam tahun 1946 dan di-lantek sa-bagai pegawai pentadbir dalam bulan Januari 1955 apabila beliau menjadi Penolong Pegawai Daerah Belait.

Beliau telah di-lantek sa-bagai Pegawai Daerah dalam bulan Ogos 1958 dan memegang jawatan tersebut hingga bulan September 1959. Dalam tahun itu beliau telah di-hantar ka-Canada untuk menjalani kursus pentabiran awam di-Carlton Universiti.

Pengiran Dato Paduka Momin sekali lagi menjadi Pegawai Daerah Belait dalam tahun 1963 sa-hingga beliau di-tukar ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan untuk memegang jawatan Penolong Setia Usaha Kerajaan dalam tahun lepas.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohd. Taib bin Awang Besar telah di-benarkan mengambil chuti sa-belum bersara.

Dato Paduka Awang Mohd. Taib telah memegang jawatan Setia Usaha Kerajaan itu sejak 1 Jun 1967. Beliau telah memulakan chuti panjang-nya pada 22 Mach lepas sa-belum bersara sa-telah berkhidmat dengan kerajaan selama 36 tahun.

Dato Paduka Mohd. Taib mula berkhidmat dengan kerajaan sa-bagai kerani dalam bulan Oktober 1934 dan dalam bulan Jun 1940 beliau di-naikkan sa-bagai pegawai pentadbir dan di-lantek menjadi Penolong Pemungut Hasil Tanah di-Pejabat Tanah, Bandar Brunei.

(Lihat Muka 8)



Dato Paduka Awg. Md. Taib

D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan berangkat tiba esok

Bahawa ada-lah dengan ini di-maklumkan ia-itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan rombongan akan berangkat tiba dari London pada hari Khamis 26 Mach esok.

Ketua2 Jabatan dan Pegawai Pentadbir Brunei ada-lah di-pinta supaya berada di-lapangan terbang Berakas pada jam 11.45 pagi untuk mengalu2kan kedatangan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan rombongan.

Pakaian seragam tidak dikehendaki.

Kapal penyapu periok api British lawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dua buah kapal penyapu periok api Angkatan Laut Di-Raja British HMS Maxton dan HMS Bossington akan membuat lawatan ka-Brunei selama enam hari mulai 3 April ini.

Kedua2 buah kapal tersebut akan berlaboh di-Sapo Point dan terbuka kapada orang ramai untuk

melawat selama dua jam tiap2 hari, dari jam 2.00 petang.

Lawatan juga di-terima dari rombongan2 hingga sa-ramai 20 orang dari kanak2 sekolah atau kaki tangan angkatan bersenjata ia-itu pada bila2 masa antara pukul 10.00 pagi dan 12.00 tengah hari.

Kapal2 penyapu periok api itu di-bawah arahan Kommander J. F. Glennie dan akan menyertai dalam satu latihan dengan As-

kar Melayu Di-Raja Brunei pada 7 April.

Semasa berada di-sini pegawai2 dan anak2 buah kapal2 tersebut akan mengadakan beberapa perlawanan rugby, bola sepak, hoki bola tampar atau cricket dengan pasukan2 tempatan. Tetapi disebabkan sedikit sahaja pemain2nya yang di-perolehi, maka hanya satu pasukan yang akan bermain dalam satu masa perlawanan.

Majlis keshukoran dan ucapan tahniah atas perarakan Y.T.M. Duli Pengiran Perdana Wazir

BANDAR BRUNEI. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-Daerah Brunei Muara akan mengadakan majlis keshukoran ka-atas Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah.

Majlis itu ada-lah sa-bagai tanda keshukoran dan ucapan tahniah daripada penduduk2 berbagai kaum di-Daerah Brunei-Muara atas selamat berlangsung-nya istiadat mengarak Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir pada 6 Februari lepas.

Keputusan bagi mengadakan majlis tersebut telah di-ambil dalam satu mashuarat penghulu2 dan ketua2 kampung yang telah di-adakan di - Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei baru2 ini.

Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah di-lantik sa-bagai pengerusi majlis keshukoran itu.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa Majlis Keshukoran itu menyatakan bahawa tarikh dan tempat bagi mengadakan majlis tersebut belum lagi di-tetapkan sa-hingga mendapat perkenan daripada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir.

Pendaftaran kanak2 ka-sekolah2 mula di-terima

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah memulakan pendaftaran kanak2 untuk masuk ka-sekolah2 Melayu di-negeri ini bagi tahun 1971.


Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, pendaftaran itu ia-lah bagi kanak2 yang di-lahirkan sa-belum 1 Julai, 1965.

Beliau meminta ibu-bapa2 dan penjaga2 kanak2 yang ingin hendak menghantar anak2 mereka ka-sekolah tahun depan supaya mendaftarkan nama mereka dengan guru2 besar sekolah2 Melayu yang berham-piran dengan rumah mereka.

Pendaftaran itu akan di-tutup pada 31 Mei, 1970.

Kanak2 yang telah di-daftarkan itu akan di-hantar ka-sekolah2 saminggu sa-lepas pembukaan peng-gal pertama tahun depan.

Tahun ini lebih dari 2 000 orang kanak2 telah di-terima masuk ka-sekolah2 Melayu rendah di-seluruh negeri ini.



Gambar atas menunjokkan bentuk bangunan rumah sakit Kuala Belait di-ambil dari udara.

Komplek yang sekarang ini sedang dalam pembenaan itu mengandungi wad2 bagi menempatkan orang2 sakit, rumah jururawat dan rumah2 pegawai2 dan kakitangan-nya.

Rumah sakit yang menelan belanja kira2 \$13.2 juta itu di-bena di-satu kawasan sa-luas 29 ekar dan ia-nya akan menggantikan rumah sakit lama yang ada sekarang ini.

Pembenaan rumah sakit yang baru itu telah di-mulakan dalam awal tahun lepas dan ia-nya di-jadualkan siap dalam tahun ini.

Rumah sakit itu apabila siap nanti akan di-lengkapkan dengan per-kakas2 moden.

Kempen pengambilan rekrut2 baru untuk berkhidmat dgn. AMDB

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menjalankan kempen pengambilan orang2 baru mulai hari ini untuk memilih samurai tiga puluh orang rekrut bagi latehan dalam bulan Jun tahun ini.

Sa-lama kempen pengambilan orang2 baru itu di-jalankan yang berakhir pada 23 Mei, rombongan pengambilan orang2 baru itu akan menjalankan temu-duga, ujian2 dan pemeriksaan awal perubatan ka-atas bakal2 rekrut.

Rombongan itu akan melawat ka-Kampung2 Limau Manis, Wasan, Junjongan dan Pengkalan Batu dari 25 Mach hingga 27 Mach. Dari 30 hingga 31 Mach ia-nya akan melawat Kampung Panchor Murai dan Masin.

Pada 1 April hingga 3 April rombongan itu akan melawat Kampung Kuala Sungai Brunei, Batu Marang, Pulau Baru2, Pulau Berbunut dan Menunggul Laut.

Pada 6 dan 7 April ka-Kampung Subok dan Belimbing dan 8 hingga 9 April di-Kampung Rimba, Gadong.

Pada 10 April rombongan itu akan berada di-Kampung Beribi. Pada 14 dan 15 April di-Kampung Jerudong dan Peninjau dan 16 April di-Kampung Dato Gandhi dan Serdang.

Pada 17 April di-Kampung Sungai Besar dan Mentiri. Pada 20 hingga 21 April di-Kampung Setia Baru dan Puduk.

Rombongan itu akan melawat Kampung Lumapas dan Kasat pada 22 hingga 24 April.

Pada 27 hingga 30 April rombongan itu akan berada di-daerah Temburong dan melawat Kampung Labu, Senukoh, Piasau2, Batu Apoi Bokok dan Belais.

Pada 4 hingga 6 April rombongan pengambilan orang2 baru itu akan melawat ka-Kampung Labi, Bukit Sawat dan Bukit Puan, dan

dari 7 dan 8 April di-Kampung Sungai Liang dan Sungai Lumat.

Pada 11 hingga 13 April ka-Kampung Bukit, Ukong dan Bukit Udai, dan 14 dan 15 April di-Kampung Lamunin dan Birau.

Pada 18 hingga 20 April ka-Kampung Benutan, Rambai dan Bukit Sulang, dan pada 21 April di-Kampung Kiudang.

Pada 25 April hingga 2 Mei rombongan pengambilan orang2 baru itu akan berada di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei. Ia-nya akan berada di-dewan Kemasharakatan sa-kali lagi pada 9 Mei.

Rombongan itu akan berada di-Khemah Askar Melayu Di-Raja di-Bangar pada 16 Mei, dan di-dewan makan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong pada 23 Mei.

Mereka yang ingin menjadi rekrut hendak-lah maseh bujang berumur antara 18 dan 25 tahun, ukuran badan tidak kurang dari lima kaki satu inchi tinggi dan berat badan tidak kurang dari 110 pound.

Chalun2 hendak-lah bangsa Melayu dari raayat Brunei.

Permohonan untok menyewa kedai di-tutup 31 Mach

BANDAR BRUNEI. — Pemohon2 yang ingin memohon untok menyewa kedai di-Kampung Perpindahan Berakas ada-lah di-ingatkan bahawa mereka hanya mempunyai enam hari saja lagi untok mengemukakan permohonan2 mereka.

Tarikh2 penerimaan permohonan itu akan di-tutup pada 31 Mach 1970 jam 4.00 petang. Permohonan2, yang lewat dari tarikh dan masa yang di-tetapkan itu tidak akan di-layan.

Hanya penduduk2 bangsa Melayu raayat Brunei yang tinggal di-sekitar kampung Per-

pindahan sahaja di-kehendaki memohon.

Kedai2 itu akan di-sewakan untok menjalankan perniagaan bagi menjual barang2 runchit, kedai kain, kedai makan atau restaurant, kedai minum, tukang jahit dan kedai gunting.

Pemohon2 ada-lah di-ingatkan bahawa sharat2 yang terkandung dalam bahagian C (ii) ia-itu penguasaan kerana pemeliharaan ia-lah sa-banyak 0.2% daripada harga bangunan dan bukan-nya 0.25% seperti yang tersiar di-muka 8 dalam keluaran Pelita Brunei yang lepas.

KITA semua beragama dengan ugama Islam, ugama yang di-akui oleh Allah. Kita beragama Islam bukan-lah semata2 mengharapkan supaya berbahagia di-akhirat sahaja, tetapi Ugama Islam menanjorkan umat - nya supaya hidup di-dunia dengan selamat dan bahagia juga kerana kebahagiaan hidup di-dunia ada hubungan-nya dengan kebahagiaan di-akhirat dan kekechewaan di - dunia juga ada hubungan-nya dengan kekechewaan di-akhirat.

Ugama Islam chukup dengan panduan hidup di-dunia, yang mana kalau kita amalkan dia dengan sempurna dan jika di-lupakan boleh menyebabkan kita kechewa. Sa-bagaimana firman Tuhan di-dalam Koran surat Taha ayat 124 hingga 127 yang bermaksud:

"Dan barang siapa menentang pesanan ku, maka dia akan hidup sengsara dan akan kami (Allah) bangkitkan mereka di-hari Kiamat dengan mata buta, kemudian mereka bertanya "Wahai Tuhan ku, mengapa Tuhan ku bangkitkan aku dengan mata buta, sedangkan aku di-dunia chelek? Tuhan menjawab" Demikianlah perbuatan ku, kerana telah ku berikan kepada mu keterangan tetapi engkau lupa-kan dia sebab itu pada hari ini engkau di-lupakan." Dan demikian-lah kami (Allah) membalas kepada mereka yang melampaui batasan dan tidak perchaya dengan ayat2 Tuhan-nya, sesungguhnya - nya azab akhirat lebih dahsat dan lebih abadi (kekal).

Di-fahamkan dari maksud ayat2 di-atas tadi maka tiap2

BERUGAMA ISLAM ADA-LAH UNTOK BAHAGIA DI-DUNIA DAN DI-AKHIRAT

KHUTBAH JUMA'AT

"Ugama Islam chukup dengan panduan hidup di-dunia, yang mana kalau kita amalkan dia dengan sempurna dan jika di-lupakan boleh menyebabkan kita kechewa"

orang Islam hendak-lah menanamkan rasa keislaman di-dalam hati masing2 hingga di-dalam kehidupan sa-hari2 dan selepas itu keislaman itu di-tanamkan pula kepada anak2. Isteri dan keluarga kita hingga di-dalam pergaulan kita di-rumah berchaya dengan chaya Islam dan seterusnya di-masyarakat dan tutur kata dan segala perbuatan.

Dan jika tiap2 umat Islam berbuat demikian maka akan lahir-lah bermasyarakat Islam yang berbahagia dan di-redzai Allah. Manakala ini bersama2 ini telah kita chipta maka kita akan nampak keagungan Islam dan pengaruh-nya dunia ini, kerana Ugama Islam-menjamin keamanan, kebahagiaan masyarakat umat Islam kira-nya Umat Islam ta'at dan patoh kepada undang2 yang telah di-tetapkan

mengikut pandangan Islam ia-itu perintah Allah dan sunah Rasul-nya. Tetapi jika umat Islam tidak hiraukan undang2 itu dan sentiasa

melangar pada-nya maka tidak menghiraukan kita bahawa masha-rakat umat Islam akan menemui kegagalan dan kekechewaan-nya.

Sa-bagaimana kita semua mak-lum dan ketahui bahawa Allah menyuruh kita bersatu kepada jalan Allah, tetapi kita berpechahbelah. Tuhan menyuruh kita berlumba2 menchari amal, tetapi kita tidak buat. Tuhan mengharamkan judi, arak dan sa-bagai-nya tetapi ba-nyak orang Islam yang suka men-gerjakan-nya dan berbangga deng-nya.

Oleh itu wahai kaum Muslimin mari-lah kita insaf benar2 hal ini moga Tuhan memberi kepada kita taufek dan hidayah-nya serta bantuan kekuatan untok kebahagiaan hidup di-dunia dan di - akhirat. Masharakat Islam pada hari ini tidak patut sa-perti yang ada kerana umat Islam ramai dari itu tiap2 orang Islam yang bertanggung-jawab mendiri-kan dan mengamalkan ajaran2 Is-lam di-dalam diri-nya, keluarga-nya dan bersatu padu di-dalam ma-sharakat Islam berkerja keras di-dalam menghadapi masa'alah2 ber-sama dan menchari kemajuan hi-dup samping kita mengikut per-edaran zaman di-dalam perkara2 yang tidak bertentangan de-ngan agama khas-nya di-dalam ke-majuan sains dan perlumbaan hi-dup manusia, kalau tidak kita akan hanyut di-bawa oleh arus perubah-an.

Untok itu hendak-lah kita meng-ubah chara kita berfikir, fikiran yang beku dan mendurong kita singkirkan dan dengan fikiran ba-ru, maju dan chergas, kerana fikir-an itu boleh menentukan kedudo-kan satu2 bangsa mulia atau hina.

Pembinaan II buah jambatan di-Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Peja-bat Daerah Brunei-Muara ba-ru2 ini telah menyiapkan pem-binaan sebelas buah jambatan kayu di-beberapa buah kam-pung di-daerah itu, di-bawah rancangan kemajuan luar bandar.

Jambatan2 itu berjumlah 2,760 kaki panjang dan mel-nelan belanja kira2 \$55,000.

Sa-orang juruchapak Pejabat Daerah itu berkata, tiga buah lagi

jambatan kayu, akan di-bena di-kawasan Kampong Pengiran Tajud-din Hitam — Pengiran Kerma Indera Lama, Ujong Bukit dan Kam-pung Limbongan

Pejabat itu juga sedang mengkaji-kemungkinan membena ampangan kerana bekalan ayer ka-Kampong Pelambayan, Sungai Besar dan Sungai Belukut.

Pembinaan sa-buah ampangan di-Kampong Pudak sedang ber-jalan lancar dan ia-nya di-jangka siap tidak lama lagi.

Semua projek2 itu di-jangka mel-nelan belanja kira2 \$16,000.

LATEHAN MENEMBAK AMDB

DI-KAWASAN PULAU PUNYIT

BANDAR BRUNEI. — Paso-kan laut pertama Askar Me-layu Di-Raja Brunei akan menj-alankan latehan menembak dengan peluru2 berisi dari ka-pal2 penyerang selama empat hari mulai hari Isnin 30 Mach hingga hari Khamis 2 April.

Latehan menembak itu akan di-adakan di-kawasan Pulau Punyit dekat Jerudong di-Dae-rah Brunei Muara.

Jarak tembakan ia-lah 1,500 metre, tetapi sa-bagai langkah keselamatan orang ramai dan nelayan2 tidak di-benarkan mendekati kawasan itu hingga sa-jauh lima batu.

Sa-buah kapal ronda dan dua kapal penyerang sa-lain dari yang di-gunakan bagi latehan menembak itu akan di-tempatkan di-kawasan itu untok mengawal kawasan itu dari di-masoki oleh perahu2 dan kapal2 tempatan.

Orang ramai terutama sekali nelayan2 ada-lah di-minta su-paya menjauhi kawasan itu se-masa latehan itu di-jalankan.

Waktu2 bagi menembakan itu ia-lah: Isnin 30 Mach dari pukul 2.00 tengah hari hingga 4.00 petang dan 31 Mach 1 April dan 2 April dari pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25 Mach 1970 hingga ka-hari Selasa 31 Mach 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25 Mach		12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23
26 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
27 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
28 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
29 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
30 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21
31 Mach		12-30	3-48	6-34	7-45	4-50	5-06	6-21

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



25hb. Mach. 1970.

PERUBAHAN PEPEREKSaan KERANI2

DASAR kerajaan yang mengutamakan usaha2 kebajikan adalah di-saiorkan menurut lunas2 yang tertentu sa-sudah di-fikirkan benar2 memberikan faedah kepada penumpuan usaha2 itu di-laksanakan. Banyak benar tafsiran2 yang dibuat terhadap perkataan "usaha2 kebajikan" itu sahingga ada yang menafsirkannya yang sa-olah2 usaha2 kebajikan itu sa-bagai satu perkara yang mesti di-laksanakan dengan tidak payah di-fikirkan patut tidak-nya, tegas-nya dengan tidak payah di-jalankan penyiasatan2 yang lebeh teliti.

Keinginan sa-umpama itu payah benar hendak di-katakan sa-bagai sesuai jika benar2 hendak di-selaraskan dengan maksud perkataan kebajikan itu. Belum sampai kepada makna kebajikan jika satu2 usaha itu hanya di-perbantukan berdasarkan kepada pandangan2 kulit sahaja, sedangkan isi-nya yang sa-benar tidak di-ketahui.

Sa-benar-nya, kerajaan tidaklah bersikap memandang sepi atas soal2 kebajikan kepada kakitangan-nya, malah perhatian yang berat ada-lah sentiasa di-berikan. Dalam pada itu, sa-suatu usaha kebajikan untuk kakitangan, bahkan meliputi kepada perkara2 yang lain yang menjadi tanggung-jawab kerajaan tidaklah di-buat sa-wenang2 sahaja sa-umpama memetik buah.

Langkah kerajaan mengurangkan mata2 pelajaran dalam peperiksaan kerani2 rendah yang chalun2-nya termasuk peon2 ada-lah satu bukti yang kerajaan menumpukan perhatian dengan penuh keikhlasan terhadap kakitangan-nya yang meliputi kepada perengkat yang sa-rendah2-nya. Kerajaan adalah penuh menyedari akan masalah2 yang di-hadapai oleh chalun2 yang duduk dalam peperiksaan itu apabila mereka berhadapan dengan subjek2 yang sa-bahagian besar-nya kurang di-sentuh dalam masa2 mereka bertugas di-pejabat.

Apa yang sa-benar-nya yang menjadi tujuan kerajaan mengadakan peperiksaan itu (bukan hanya Brunei, bahkan lain2 negeri juga) ada-lah untuk mendapatkan pegawai2 dan kakitangan yang mahir dengan masalah2 yang berhadapan dengan tugas mereka sa-hari2 dan dapat menyelesaikannya dengan mudah jika timbul kerumitan2. Dengan ini akan dapat melicinkan pentadbiran kerajaan yang sa-chara langsung akan dapat menimbulkan kemakmoran dan keamanan yang di-kehendaki.

Tanggung-jawab seperti yang di-sebutkan di-atas ada-lah tidak mesti di-pikul oleh pegawai2 yang lebeh tinggi, bahkan harus sama2 di-pikul oleh kerani2 yang ada dalam satu2 pejabat itu.

Kerana itu, pengetahuan dan kecekapan bagi sa-saorang kerani itu ada-lah sangat2 diperlukan dan ada-lah menjadi kebiasaan di-mana2 juga bahawa soal kenaikan pangkat, maka layanan yang lebeh utama di-berikan ia-lah kepada yang mempunyai kelayakan. Kerajinan, kecekapan yang dapat di-pelajari dari perkhidmatan-nya yang sudah2.

Orang ramai di-nasihatkan supaya jangan pergi ka-Limbang

BANDAR BRUNEI. — Orang ramai ada-lah di-nasihatkan supaya jangan melawat Limbang jika boleh kerana ia-nya ada-lah kawasan yang di-jangkiti oleh kolera.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. I. G. Singh ketika memberi nasihat ini berkata, beliau telah menerima ma'alumat dari Limbang bahawa keadaan ada-lah berat menyebabkan tiga kematian.

Dua orang yang mati itu ada-lah di-sahkan mengidap penyakit kolera dan sa-orang lagi di-shaki mengidap penyakit itu.

Dr. Singh berkata, walaupun Brunei sekarang bebas dari jangkitan kolera, ada-lah baik berjaga2 untuk menchegeh dari berlaku-nya semula penyakit itu di-negeri ini.

Di-samping itu beliau mengesakan orang ramai supaya terus menerus patuh kepada langkah2 kesihatan yang ketat.

Orang ramai yang belum bersuntik menentang penyakit

itu mesti-lah bersuntik segera.

Dr. Singh berkata, orang2 yang datang dari Limbang tiba di-Brunei akan di-asingkan selama lima hari dari tarikh mereka berlepas dari Limbang.

Mereka yang tidak mempunyai sijil suntikan kolera yang sah akan di-suntik di-tempat2 pemereksaan.

Perlumbaan

rentas desa

Maktab Perguruan

BERAKAS. — Perlumbaan rentas desa tahunan Maktab Perguruan Brunei akan diadakan di-padang maktab itu pada hari Sabtu 28 Mach mulai 8.00 pagi.

Kira2 150 orang penuntut termasuk 70 orang perempuan akan mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Perlumbaan itu akan di-bahagikan kepada dua bahagian — bahagian berpasokan dan perseorangan.

Jarak perlumbaan ia-lah lima batu bagi penuntut2 lelaki dan empat batu bagi penuntut2 perempuan.

Perlumbaan itu akan bermula dari padang maktab Perguruan di-Berakas.

Peluang pekebun2

menjual

sayor sa-chara

langsong

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Bandaran Brunei akan mengosogkan tempat penarohan kereta di-belakang Pasar Bandar Brunei untuk di-jadikan tempat menjual sayor.

Kawasan tempat penarohan kereta itu akan di-kosongkan selama tiga jam dari 6.00 pagi tiap2 hari mulai pertengahan bulan depan untuk memberi peluang kepada pekebun2 sayor menjual hasil tanaman mereka sa-chara langsung.

Sa-orang juruchakap Lembaga Bandaran berkata tiap2 sa-orang penjual sayor hanya di-kenakan bayaran sa-banyak 30 sen selama tempoh tiga jam itu.

Juruchakap itu juga menyeru kepada semua pekebun2 sayor di-Daerah Brunei/Muara supaya datang berjual di-tempat itu.

Juruchakap itu menerangkan bahawa langkah ini di-dambil kerana mengelakkan orang2 tengah menchari keuntongan yang berlebihan.

Baru2 ini Lembaga Bandaran itu juga telah mengkosongkan tiga meja menjual ikan di-Pasar Bandar Brunei bagi memberi peluang kepada penangkap2 ikan tempatan menjual ikan mereka sa-chara langsung di-pasar tanpa melalui orang2 tengah.

Berhati2 bila membakar

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengawal Pasokan Bomba Awang Ya'akub bin Haji Mohamed Yusoff telah menasihatkan orang ramai supaya berhati2 apabila membakar sampah sarap dalam musim kemarau ini dan jangan membuang puntong2 rokok yang maseh menyala sebarangan.

Beliau menyatakan bahawa tidak kurang dari empat puluh kejadian kebakaran di-laporkan di-daerah2 Brunei-Muara, Seria dan Tutong dalam masa tiga minggu yang lalu.

Awang Ya'akub berkata, kebanyakkan dari kebakaran itu disebabkan oleh orang2 yang membersihkan tanah mereka untuk berchuchok tanam.

Kata-nya, peladang2 hendaklah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Bomba jika mereka hendak membakar kawasan-nya kerana berchuchok tanam.

Beliau juga menasihatkan orang ramai supaya memberitahu Pasokan Bomba jika berlaku sebarang kebakaran, supaya mereka boleh bertindak segera untuk menchegeh-nya kebakaran itu dari merebak.

Pepereksaan trengkas, menaip dalam bulan Jun

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan trengkas, menaip, book keeping dan 'Steno' dalam bahasa Melayu akan diadakan dalam bulan Jun hadapan.

Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kekelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Bayaran peperiksaan bagi trengkas permulaan ia-lah sa-banyak \$11.00, menengah \$13.00 dan tertinggi \$16.00.

Pepereksaan menaip permulaan di-kenakan sa-banyak \$9.00, menengah \$11.00 dan tertinggi \$13.00.

Kedua2 peperiksaan tersebut akan di-adakan pada 19 Jun, 1970.

Pepereksaan Steno perengkat junior di-kenakan bayaran sa-banyak \$15.00, perengkat senior \$20.00 dan advance \$30.00.

Pepereksaan Book Keeping bagi permulaan di-kenakan bayaran sa-banyak \$11.00, menengah \$13.00 dan tertinggi \$16.00. Kedua2 peperiksaan ini akan di-adakan pada 21 Jun.

Borang2 bagi memasoki peperiksaan2 itu boleh di-dapati dari semua guru2 trengkas dan menaip atau di-Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa. Borang2 yang telah di-isikan bersama2 dengan wang bayaran hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 20 April.

Hanya penuntut2 trengkas dan menaip yang mengikuti darjah tersebut sahaja di-benarkan memasoki peperiksaan itu dengan mendapat sokongan dari guru2 mereka.

Kerja menyambong paip

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya telah berjaya menyiapkan kerja menyambongkan paip yang menyalurkan ayer mentah ka-dalam kilang penapis di-Tasek.

Sa-orang juruchakap jabatan tersebut berkata bahawa kerja itu meliputi pemasangan tanki2 terbuka dan penapisan untuk memperbaiki mutu ayer diperengkat terakhir.

Tanki2 itu akan di-gunakan kira2 dalam masa tiga minggu apabila selesai kerja menyambongkan paip2 kechil.

Juruchakap itu berkata bahawa tanki2 terbuka dan penapisan itu akan memperbaiki lagi kerja penapisan ayer dan menyingkirkan zat2 besi yang semakin bertambah di-dapati dalam ayer.

DALAM siri yang pertama, saya telah menerangkan satu chorak cherita raayat, ia-itu cherita2 usul-asal. Dalam cheramah kesusasteraan raayat siri kedua ini, saya akan mengemukakan pula chorak cherita raayat Melayu yang sangat disukai ramai, ia-itu cherita2 yang mempunyai binatang sabagai pelakunya.

Dari kajian menunjukkan yang mula menyebarkan cherita binatang itu ialah Ugama Budha kerana di-dapati pada chandi2 di-Pulau Jawa tentang cherita binatang. Cherita ini telah di-susun sa-mula oleh tukang2 cherita dimasa sekarang, sa-hingga terdapat beberapa perbedaan dalam chara pencherita-nya kerana pencherita hendak menyesuaikan lenggang cherita itu dengan tempat ia tinggal.

Orang2 Melayu dari zaman menjak zaman berzaman telah mengenal akan cherita2 binatang yang tersusun dengan rapi-nya sa-hingga sa-olah2 cherita2 itu terjadi dalam kumpulan antara binatang2. Kadang2 dalam cherita itu ada juga binatang berlakun dengan manusia. Walau bagaimana pun, binatang2 sa-bagai pelaku dalam cherita2 itu di-beri sifat2 manusia berchakap dan berlagak saperti manusia.

Mengikut sa-tengah2 pendapat cherita2 binatang ini sama tua-nya dengan cherita2 usul-asal. Pendapat ini ada-lah berasaskan kepada chara dan suasana manusia hidup digua2 yang maseh belum lagi dapat menguasai dan mengatasi alam. Yangmana ketika itu, manusia memandang binatang sa-bagai kejadian yang serupa dengan mereka kerana dalam hidup mereka selalu berhadapan dengan binatang, malah ada masa-nya mereka di-tewaskan oleh binatang.

Tetapi kalau di-kaji dengan teliti, tidak-lah semua-nya bagitu, ada juga cherita2 binatang yang sa-benar-nya mencherminkan pemikiran yang tinggi dalam masa menchipta-nya. Ia hanya di-gunakan sa-bagai alat bagi mengulah cherita2 yang sa-benar-nya bertujuan menyindir dan mengias peribadi atau pun peri hal manusia sendiri hasil dari pengalaman manusia terhadap binatang kerana gambaran binatang yang di-beri ada-lah lahir daripada sifat2 binatang itu sendiri. Mithal-nya harimau ada-lah binatang

KESUSASTERAAN RAAYAT

SIRI KEDUA

OLEH:

IDRIS ABDUL GHANI, B.A., DIP OF ED.

S.M.M. JALAN MUARA, BRUNEI

yang gagah dan kuat, pelandok ada-lah binatang yang pintar, kura2 binatang yang lambat dan lembab.

Jenis cherita2 binatang walau dari bangsa apa jua pun, biasa-nya di-dapati bukan sahaja mencherminkan kebijaksanaan atau kecherdekan sa-suatu binatang yang tertentu saperti pelandok, bahkan ada juga cherita2 yang menjadikan binatang kecil yang lemah dan dapat mengechewakan dan mengalahkan binatang yang besar, kuat dan tengkas. Pendek kata kesimpulan tujuan besar cherita2 jenis ini ada-lah serupa sahaja bagi sa-suatu bangsa, chuma berbeza tentang jenis2 binatang yang di-padankan dengan aliran cherita itu mengikut penyesuaian dan pandangan bangsa itu sendiri.

Di-kalangan orang2 Melayu, cherita2 binatang yang mashor sekali ia-lah cherita2 sang kanchil. Chorak cherita binatang saperti cherita2 sang kanchil itu selalu di-katakan cherita yang bermotif penipu. Selalu-nya kalau ia menipu binatang2 yang lebeh lemah daripada-nya ia akan gagal. Mithal-nya cherita kanchil menipu bangau. Kedua2 binatang itu naik ka atas kerak nasi dalam ayer. Bila kerak nasi itu kembang bangau terbang, tinggal kanchil yang terlantar lalu mati.

Satu lagi chontoh yang berkenaan dengan cherita jenis ini, ia-lah tentang binatang yang lemah dan lengah dapat mengalahkan binatang yang tengkas. Di-sini bangsa Inggeris terkenal cherita berkenaan dengan perlumbaan di-antara binatang arnab yang tengkas berlari dengan kura2, bekesudah-an menang kura2.

Cherita yang bermotif penipu ini umum di-ketahui di-kalangan bangsa2 di-dunia ini. Di-kalangan orang2 Red Indian, mithal-nya terkenal dengan anjing serigala. Di-kalangan orang2 Eropah terkenal dengan musang dan arnab. Semua-nya binatang2 kecil — dapat mengalahkan, mengatasi dan memperdaya binatang2 yang lebeh besar dan lebeh kuat daripada-nya dengan kepintaran otak-nya.

Kalau di-perhatikan semua

cherita2 ini ada-lah menggelikan hati, tetapi tidak kurang pula penting-nya sabagai tauladan. Ia menunjukkan kepintaran otak dapat mengatasi kekuatan tuboh. Ia dengan jelas menggambarkan keadaan masyarakat menggunakan akal untuk menewaskan orang yang gagah. Keadaan saperti ini boleh berlaku dalam masyarakat yang primitif tanpa perkauman langsung yang hanya memen-tingkan soal diri sendiri sahaja.

Satu chorak cherita binatang yang sangat terkenal di-kalangan orang2 Melayu dan selalu menimbulkan persoalan ia-lah cherita yang di-namakan cherita tauladan. Sunggoh pun yang berlakun dalam cherita2 ini binatang, namun tauladan yang di-tujukan ia-lah kepada manusia. Cherita ini ia-lah sindiran terhadap manusia. Sumbang2 terbesar bagi cherita2 tauladan ini ada-lah di-ambil dari kesusasteraan India. Yaitu "Jataka" yang ada kaitan-nya dengan Ugama Budha. Cherita2 ini boleh di-lehat pada pahatan stupa Budha di-Allahabad, India. Tarikh cherita ini ia-lah 200 sa-belum masehi. Ini-lah kesan yang paling tertua yang telah di-jumpai di-India. Kedua ia-lah "Pachatantra"; Yaitu kumpulan cherita2 binatang yang di-susun oleh sa-orang Brahman bernama Baibada pada abad 300 masehi. Cherita2 di-dalam-nya ia-lah untuk mengajar putra2 raja yang sangat bodoh, yang mana sa-orang Brahman telah dipanggil, maka Brahman ini dapat mengajar anak2 raja itu dengan jalan bercerita. Ketiga ia-lah "Katha Sarit Sagar" — Di-susun oleh Somadeva di-Kashmir dalam abad ke-12 masehi. Cherita ini sa-benar-nya telah ada sa-belum abad ke-12 lagi, tetapi ia telah berusaha mengumpulkan cherita2 mulut dan di-bukukannya. Mula2 sa-kali cherita ini di-terjemahkan ka - Bahasa Parsi.

Mengikut pendapat Werndly, sa-orang Belanda yang ahli dalam Bahasa Melayu yang telah menulis buku tata-bahasa Melayu bertarikh 1736 masehi, menyatakan bahawa cherita2 berchorak penipu di-kalangan bangsa Melayu itu ada-lah jenis cherita tertulis. Tetapi

kemungkinan cherita2 berchorak ini kepada tradisi lisan pun tidak dapat di-napikan. Satu chontoh tentang kemungkinan ada-nya pengaliran daripada sastera tertulis kepada sastera lisan dapat di-tunjokan oleh penyelidekan sa-orang sarjana bernama Middlekoop baru ini di-Pulau Timor bahagian Indonesia, menunjukkan besar kemungkinan cherita2 raayat berchorak penipuan ini di-kalangan orang2 di-Pulau Timor ada-lah datang-nya kemudian, ia-itu daripada buku2 bacaan sekolah.

Cherita2 binatang biasa-nya terbahagi kepada tiga bahagian ia-itu;

A. Binatang yang pandai bertutor saperti manusia. Binatang2 ini di-cheritakan berakal saperti manusia hingga boleh mengelirukan orang2 memikirkan yang kadang2 menyangka binatang itu betul2 boleh berkata2. Cherita2 ini banyak titek persamaan-nya di-merata2 tempat di-dunia.

B. Kesah-nya berpusat kepada helah akal binatang yang kecil. Kebanyakan cherita2 itu bersambong2. Tidak dapat di-tentukan yang mana cherita2 itu hak orang Melayu atau dari bangsa asing dari luar negeri.

C. Kumpulan cherita2 yang di-kumpulkan oleh bangsa2 asing, kemudian di-terjemahkan orang ka-bahasa Melayu saperti cherita pelandok jenaka.

Sa-bagai kesimpulan mengenai cherita2 binatang ini,oleh sebab orang2 Melayu pada zaman dahulu memikirkan cherita2 saperti itu tidak berapa mustahak-nya di-kumpulkan dan di-tuliskan, jadi-lah cherita2 jenis ini maseh belum di-tuliskan meski pun sesudah mereka mempelajari ilmu tulis menulis, melainkan sa-hingga kepada beberapa kurun yang terkemudian baharu-lah ada usaha2 mengumpul dan menuliskan-nya. Tetapi sa-takat yang di-ketahui umum ia-lah cherita2 yang telah di-bukukan, ia-itu hasil kutipan serjana2 barat; saperti Hikayat Sang Kanchil dan Hikayat Pelandok Jenaka.

Barangkali maseh ada lagi terpendam di-kalangan orang2 tua kita cherita2 binatang yang menarek. Terpulang-lah kepada kita yang menaruh minat terhadap sastera warisan kita untuk menchari2 supaya cherita2 itu dapat di-rakamkan sa-belum di-hilangkan oleh zaman.

Sa-takat ini dahulu, kalau keadaan mengizinkan saya akan menyambong lagi mengenai kesusasteraan raayat ini dalam siri ketiga dan ka-empat akan datang.

Sekian, selamat maju jaya.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Merbut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Merbut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, satu jawatan bagi tiap2 Masjid yang berikut:—

- Masjid Setia Ali, Pekan Muara.
- Masjid Hassanah Bolkiah, Tutong.

Kelayakan2:

Hanya orang2 yang tinggal terdekatan dengan Masjid2 tersebut di-kehendaki memohon:—

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 dan 40 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui hukum2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Farhdu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.1 — \$170 x 5 — 210 x 10 — 250.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mach, 1970.

DI-JABATAN UKOR

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Ukur, Brunei.

a) PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II

Kelayakan2:

Hanya orang2 yang tinggal di-Kuala Belait di-kehendaki memohon:—

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 dan 35 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 3 tahun dan boleh memperbaiki sebarang kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

b) TALIPON OPERATOR

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah orang2 perempuan berumur antara 17 dan 25 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VIII Sekolah Melayu atau Tingkatan I Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang boleh berbahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1-2-3 EB4 — \$160 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240.

Permohonan2 hendak-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 April, 1970.

LATEHAN PERGURUAN KURSUS (A)—1970

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei, yang mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Pelajaran 'Am dengan mendapat kelulusan dalam 4 perkara, bagi mengikuti kursus perguruan selama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masuk akan menerima alaan saperti dibawah:

Bagi tahun pertama

dan kedua — \$270.00 sabulan

Bagi tahun

ketiga — \$285.00 sa-bulan

Jika pemohon itu di-beri tempat tinggal di-Asrama yang di-akui, sebanyak \$60.00 daripada alaan-nya akan di-potong pada tiap2 bulan.

Sa-belum di-terima masuk, pemohon2 akan di-temuduga serta juga di-pereksa oleh doktor.

Pemohon2 yang di-terima masuk akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan kerajaan Brunei memenohi syarat2 dibawah:

a. Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan.

b. Mereka atau penjamin2 mereka akan di-kehendaki membayar bales dengan sa-penoh-nya kepada kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan.

c. Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Semua penuntut yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masukkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 lain yang mempunyai kelulusan yang sa-jajar.

Permohonan2 hendak-lah dibuat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati daripada Penguasa, Maktab Perguruan Brunei, Peti Surat 391, Bandar Brunei, Brunei. Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan kepada Penguasa tidak lewat daripada 5 April 1970.

Sa-bagai Pembantu Makmal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Makmal di-Jabatan Pelajaran, Brunei, satu jawatan bagi tiap2 Sekolah Pertukangan yang berikut:—

- Sekolah Pertukangan Bangunan, Brunei.
- Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.

Tugas2:

a) Menjaga barang2 dalam simpanan makmal. Menyediakan barang2 untuk perhubungan (experiments). Memperbaiki dan memelihara alat2 makmal dan workshop dan lain2 tugas sebagaimana yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua sekolah itu.

b) Menjadi Pembantu 'Am kepada Guru2 Pertukangan di-dalam Makmal/Workshop. Menyediakan bahan2 dan alat2 untuk kegunaan darjah. Bertanggung-jawab supaya alat2 di-simpan dalam keadaan baik, Lain2 tugas sebagaimana yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua sekolah itu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya ang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechra berkontrek selama 6 bulan. Bagi chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechra berkontrek, baksis sa-banyak 12½ daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mach 1970.

DI-PEJABAT MUZIUM

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Muzium, Brunei.

a) PEMBANTU PENGAWET BENTOK BINATANG (3 kosong)

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 hingga 25 tahun.
- Mesti-lah lulus L.C.E. sama ada dalam aliran Melayu atau Inggeris dengan mendapat kelulusan dalam mata-pelajaran Lukisan.
- Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di-atas tetapi telah berkhidmat di-sebuah pejabat muzium dan mempunyai pengalaman yang di-perlukan juga di-beri pertimbangan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2 EB3 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480.

b) PENYAMBU/TALIPON OPERATOR

Kelayakan2:

- Pemohonan2 mesti-lah perempuan dan berumur antara 18 hingga 25 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Inggeris dan Darjah VII Melayu.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Penyambut/Talipon Operator.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

c) ATENDAN DEWAN (3 kosong)

Kelayakan2:

- Pemohonan2 mesti-lah berumur 25 hingga 40 tahun.
- Mesti-lah lulus Darjah VI Melayu atau yang bersa-

maan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 2-3-4 EB5 — \$160 x 5 — 240/EB/250 x 10 — 270.

d) TUKANG KEBUN/PEMBERSEH (2 kosong)

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 25 hingga 35 tahun.

Tugas2:

Chalon2 yang berjaya akan bertanggung-jawab bagi menjaga kebersihan kawasan bangunan Muzium dan taman.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB2 — \$160 x 5 — 175/EB/180 x 195.

e) PENJAGA MALAM (1 kosong)

Pemohonan2 mesti-lah berumur antara 30 hingga 40 tahun.

Tugas2:

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari jam 5 petang hingga 7 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 — \$160 x 175.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 31 Mach, 1970.

Sa-bagai Penjaga Palong Ikan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Penjaga Palong Ikan di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya Sijil Pelajaran Sekolah Rendah (Primary Certificate of Education) dan mesti-lah mempunyai pengalaman memelihara

ikan dalam palong.

Tugas2:

Membuat semua kerja2 yang berhubungan dengan memelihara ikan dan menjaga tangki2 ikan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330. Gaji permulaan bergantung

kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 April, 1970.

Kerja menembok jalan2 kechil selesai

BANDAR BRUNEI.—Kerja2 menembok tanah di-sepanjang jalan kechil di-lima buah kampong Daerah Brunei Muara telah pun selesai di-laksanakan pada awal tahun ini.

Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Yunos bin Haji Hussain berkata, kerja menembok tanah di-sepanjang jalan sa-jauh 129 rantai di-Kampong Manggis, Madang, Kasat, Limau Manis, Batong dan Panchor Murai telah pun selesai di-jalankan.

Awang Yunos berkata, kerja2 itu di-buat kerana meninggikan jalan2 kechil itu daripada di-tenggelami ayer semasa musim hujan supaya kenderaan2 yang melalui jalan itu tidak tergendala.

Beliau berkata, kira2 \$39,000.00 dari peruntokan projek luar bandar Daerah Brunei Muara pun di-belanjakan bagi kerja itu.

Sementara itu kerja2 membena sa-batang jalan kechil sepanjang 70 rantai di-Pangkalan Sibabau sedang di-jalankan dan di-jangka akan siap beberapa bulan lagi.

Pejabat itu juga sedang menjalankan penyiataan bagi pembinaan sa-batang jalan kechil di-Kampong Sungai Akar, sepanjang 60 rantai. Kedua2 projek itu menelan belanja kira2 \$20,000.00.

Kembali setelah jalani latehan

BANDAR BRUNEI.—Awang Abdul Latif bin Mail dan Awang Mohamed Sa'at bin Taib, penolong2 pegawai balai bomba di-ibu pejabat pasokan bomba di-Bandar Brunei telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini selepas menghadiri kursus 6 bulan di-Sekolah Latehan Perkhidmatan Bomba di-Hong Kong.

Sementara itu dua orang lagi Penolong Pegawai Pasokan Balai Bomba tidak lama lagi akan berlepas ka-Hong Kong untuk menghadiri kursus yang sama.

MERINYU2 PULIS PERCHUBAAN

DI-KEHENDAKI

BANDAR BRUNEI.—Pasokan Pulis Di-Raja Brunei mempunyai beberapa jawatan kosong sa-bagai Merinyu Perchubaaan.

Sa-orang juruchakap pulis berkata, chalun2 yang ingin memohon mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan berumur antara 19 dan 26 tahun. Mesti-lah lulus sijil Junior Cambridge atau yang sebanding dengannya.

Ukuran badan lima kaki empat inchi tinggi dan buka dada 34 inchi.

Sa-bagai permulaan sa-orang Merinyu perchubaaan akan menerima gaji sa-banyak \$480.00 sa-bulan.

Chalun2 yang berjaya akan di-hantar ka-Malaysia Barat untuk menjalani latehan.

Juruchakap itu berkata, borang2 untuk memasoki-

nya boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Pulis Brunei. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di -kembalikan kapada Pesuruhjaya Pulis, Brunei tidak lewat dari **31 haribulan Mach ini.**

Pemohon2 dari pegawai2 yang berkhidmat dengan kerajaan hendak-lah menghantarkan borang2 permohonan mereka melalui ketua jabatan masing2.

Perkemahan pengakap2 Tutong selama tiga hari

TUTONG.—Persatuan Pengakap Daerah Tutong akan mengadakan temasha Perkhemahan daerah di-kawasan perkhemahan Sungai Tapangan, Sengkarai di-Tutong selama tiga hari mulai 26 Mach esok.

Keputusan mengadakan perkhemahan itu di-chapai dalam mashuarat jawatankuasa persatuan itu baru2 ini yang di-pengurusikan oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah Tutong Awang Metamit bin Iradat.

Mashuarat itu juga bersetuju mengundang Pesuruhjaya Pengakap Negeri Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, untuk merasmikan perkhemahan itu.

Mashuarat itu juga telah membuat keputusan untuk menghantarkan wakil2 dari daerah itu ka-Jamboree Pen-

gagak Malaysia yang Kedua di-Melaka dari 27 Julai hingga 8 April tahun ini dan ka-Jamboree Kebangsaan Jepun yang Ke-13 dalam bulan Ogos tahun hadapan.

Tamu di-Muara di-buka semula

MUARA.—Tamu mingguan di-Pantai Muara telah di-adakan semula, mulai hari Ahad 22 Mach lepas.

Satu pengumuman oleh Pejabat Daerah Brunei Muara telah mengingatkan kapada sesiapa yang ingin menjual kueh, lain2 barang makan atau minuman hendak-lah terlebih dulu mendapatkan sijil kesihatan dari Jabatan Kesihatan.

Majlis forum M.B.B.

BANDAR BRUNEI.—Satu majlis forum bertajok "Gerakan Belia dengan Perkembangan ekonomi negara telah diadakan di-Pusat Belia di-Bandar Brunei pada hari Khamis lepas.

Majlis itu telah di-anjorkan oleh Bahagian Ugama Majlis Belia2 Negeri Brunei bersempena menyambut awal tahun baru Islam — 1390.

Tiga orang penceramah telah mengambil bahagian dalam majlis tersebut.

Mereka itu ia-lah Yang Berhormat Awang Haji Aziz bin Beganwan Pehin Udana Khatib Dato Utama Awang Haji Umar, Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Awang Saman bin Kahar.

Majlis forum itu telah di-pengerusikan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr.

272 penuntut akan di-masokan ka-Sekolah2 Pertukangan

BANDAR BRUNEI.—Jabatan Pelajaran sekarang membuat persiapan untuk mengambil sa-ramai 272 orang penuntut dari sekolah2 menengah untuk memasoki Sekolah2 Per-

tukangan Kerajaan di-Bandar Brunei dan Kuala Belait bagi setiap tahun.

Sa-ramai 176 orang penuntut akan di-lateh dalam bahagian bangunan di-Sekolah Pertu-

kangan di-Bandar Brunei dan 96 orang penuntut yang lainnya akan di-lateh dalam Bahagian Kejuruteraan di-Sekolah Pertukangan di-Kuala Belait.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Filem Perkahwinan Di-Raja mula di-tayangkan

BANDAR BRUNEI. — Filem perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Di-Raja Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sekarang mula di-tayangkan di-kampong2.

Filem yang julong2 kali-nya di-keluarkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei itu berbentuk hitam putih berukuran 16mm dan memakan masa tayangan selama 25 minit.

Filem tersebut di-ambil oleh jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Awang M. K. Nair dan ulasan dalam bahasa Melayu-nya telah di-tulis dan di-bachakan oleh Awang Yusof bin Haji Kadir.

Filem tersebut buat pertama kali-nya di-tayangkan kepada orang ramai pada hari Sabtu lepas di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Turut menyaksikan tayangan filem perkahwinan di-raja itu termasuklah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair dan Puan Adair.

Penduduk2 Kampong Subok akan dapat menyaksikan filem tersebut di-Sekolah Melayu Subok pada malam ini.

Pada malam esok, 26 Mach filem tersebut akan di-tayangkan di-Sekolah Melayu Gadong dan 29 Mach di-Sekolah Melayu Kupang.

Dato Taib bersara

(Dari Muka 1)

Dalam bulan September 1941, beliau telah di-lantek sa-bagai Pegawai Daerah Belait dan memegang jawatan itu dalam masa pemerintahan Jepun.


Dato Paduka Mohd. Taib ditukar ka-Bandar Brunei dalam tahun 1946 untuk memegang jawatan sa-bagai Setia Usaha kepada British Resident sehingga bulan September 1959.

Dari bulan Oktober 1959 hingga 22 April 1962 beliau memegang jawatan sa-bagai Jurutulis Majlis Mashuarat. Beliau di-lantek sa-bagai Pegawai Perjawatan dari 22 April 1964 dan dalam bulan Januari 1965 di-lantek sa-bagai Penolong Setia Usaha Kerajaan.

Beliau telah memegang jawatan Setia Usaha Kerajaan dari 1 Jun 1967 sa-lingka-lah beliau bersara.

Semasa berkhidmat, Dato Paduka Mohd. Taib telah mewakili Brunei dalam beberapa persidangan antara bangsa dan telah berjaya menimbulkan imej Brunei yang amat baik di-kalangan antara bangsa.

Awg. Adair dan isteri beliau ketika tiba ka-Dewan Raya dengan di-alu2kan oleh Pengiran Mohammad untuk menyaksikan tayangan filem tersebut.



Keluggaran Pepereksaan: 137 kerani2, peon2 di-anggap lulus

BANDAR BRUNEI. — Saramai 137 orang kakitangan di-jabatan2 kerajaan telah di-ishtiharkan lulus pepereksaan kerani2 tingkatan "A" dan "B" berikutan dengan keluggaran yang di-buat oleh kerajaan.

Dalam satu surat keliling baru2 ini, kerajaan menetapkan hanya lima mata pelajaran sahaja yang akan di-ambil dalam pepereksaan2 yang akan datang bagi tingkatan "B" dan empat bagi tingkatan "A".

Bagi tingkatan "B" di-kehendaki mengambil pepereksaan dalam mata pelajaran terjemahan, peratoran pejabat, pengetahuan 'am, menaip dan menyalin, sementara tingkatan "A" di-kehendaki mata pelajaran terjemahan.

Pepereksaan kerani2 tingkatan "B" ia-lah menggunakan bahasa pengantar Inggeris, sementara tingkatan "A" menggunakan bahasa pengantar Melayu.

Menurut perubahan sukatan pelajaran pepereksaan tersebut, tiga mata pelajaran bagi tingkatan "B" telah di-batalkan, dan dua bagi tingkatan "A". Mata2 pelajaran itu ia-lah Ilmu Hisab, Karangan dan Lisan bagi tingkatan "B" dan Ilmu Hisab dan Karangan bagi tingkatan "A".

Kerani2 dan peon2 yang dahulu tidak lulus dalam perkara Ilmu Hisab, Karangan dan Lisan tetapi lulus dalam semua perkara2 yang lain akan di-anggap sa-bagai telah lulus Pepereksaan Kerani Rendah.

Dengan ketetapan ini, maka saramai 137 orang yang mengambil pepereksaan yang sudah2 telah di-anggap lulus.

Walaupun demikian, menurut ketetapan baru itu, pegawai2 yang tidak lulus dalam satu perkara di-antara kelima2 perkara itu maseh di-kehendaki mengambil semula pepereksaan bagi satu perkara yang ia tidak lulus itu dalam ne-

pereksaan2 selanjut-nya.

Dalam jumlah pegawai2 yang di-anggap lulus itu ada-lah terdiri dari kerani2 tingkatan "B" saramai 64 orang dan tingkatan "A" termasuk peon2 mengandongi saramai 73 orang.

Di-samping itu saramai 222 orang lagi yang terdiri dari 69 orang tingkatan "B" dan 153 orang tingkatan "A" di-kehendaki mengulangi satu perkara yang mereka tidak lulus dalam masa pepereksaan2 tahun depan.

Mereka ada-lah terdiri dari chalu2 yang tidak lulus dalam satu perkara sahaja ia-itu Peratoran Pejabat, Terjemahan, Salinan Tangan dan Menaip bagi tingkatan "B" dan perkara2 Peratoran Pejabat, Pengetahuan 'am dan salinan tangan bagi chalu2 tingkatan "A".

SAMBUTAN TAHUN BARU ISLAM

BERAKAS.—Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas, PERANGKAP telah membuat ranchangan untuk menyambut tahun baru Islam.

Perayaan itu akan di-adakan di-rumah persatuan itu pada pukul 8.00 malam Juma'at 26 Mach.

Achara2 yang di-persembahkan pada malam itu ia-lah peraduan membacha Quran dan pementasan drama oleh anggota2 persatuan itu.

Peraduan membacha Quran ada-lah terbuka kepada penduduk2 Kampong Burong Pingai Berakas, sahaja.

Sa-orang juruchakap bagi persatuan itu berkata, perayaan itu akan di-rasmikan oleh Setia Usaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei Awang Yakob bin Ahmad.

Orang ramai ada-lah di-jemput menyaksikan sambutan tersebut.

Pengkajian Ekonomi oapat sambutan

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz Umar, pegawai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan Bahagian Ekonomi telah mensifatkan sambutan badan2 perniagaan di-negeri ini ka-atas pengkajian ekonomi yang berjalan sekarang ini sa-bagai memuaskan.

Beliau berkata, walau pun pengkajian itu baru saja di-jalankan dalam beberapa minggu yang lalu, beberapa buah badan2 perniagaan telah pun mula menghantar jawapan2 mereka. Beliau memberikan jaminan kepada badan2 perniagaan bahawa jawapan2 yang mereka berikan itu akan di-simpan dalam rahsia.

Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz menekankan bahawa tujuan pengkajian ini akan dapat di-jadikan sa-bagai satu panduan kepada kerajaan dalam ranchangan2 ekonomi akan dapat di-jadikan satu asas utama bagi chara2 mengumpulkan keterangan2 yang bersangkutan paut dengan ekonomi pada masa2 yang akan datang.

Kata-nya satu daftar pertanyaan yang di-hantar kepada sa-buah badan perniagaan hanya mengenai badan perniagaan itu sahaja.

Jika sa-orang penghulu atau ketua kampung menerima daftar pertanyaan itu, mereka hanya di-perlu-kan memberikan butir2 mengenai pertubuhan2 mereka.

Yang Berhormat Haji Awang Abdul Aziz berkata, jika sebarang badan perniagaan berhenti menjalankan perniagaan, mereka juga di-kehendaki menghantar jawapan yang mengatakan mereka telah tidak berniaga lagi.

Pengkajian ini ada-lah untuk mengumpulkan butir2 mengenai bilangan pekerja, tempat perniagaan itu di-jalankan, kelamaan badan perniagaan itu telah di-jalankan dan ia-nya tidak meliputi pertanian.

Pegawai2 JHEU berkursus

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama akan berlepas ka-Malaysia Barat pada 30 Mach ini untuk mengadakan lawatan sambil memerhati pentadbiran dan pepereksaan selama dua bulan.

Mereka ia-lah Awang Haji Abdullah bin Metassan, Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Pemangku Pegawai Pepereksaan.

Kedua2 pegawai itu akan ditempatkan di-Jabatan2 Hal Ehwal Ugama Perak, Selangor, Kelantan dan Singapura.